



KERAJAAN MALAYSIA

**PELAKSANAAN PROGRAM *PROFESSIONAL TRAINING AND EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENEURS (PROTÉGÉ)*
DALAM PEROLEHAN KERAJAAN**

(Kuat Kuasa Pada 15 Januari 2020)

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 1.2 PELAKSANAAN PROGRAM *PROFESSIONAL TRAINING AND EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENEURS* (PROTÉGÉ) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

1. Pendahuluan	3
2. Latar Belakang.....	3
3. Mekanisme Pelaksanaan Program PROTÉGÉ Dalam Perolehan Kerajaan Semasa	5
3.1.1. Kontrak Yang Sedang Berkuat Kuasa (<i>Post-Award</i>)	5
3.1.2. Perolehan Yang Belum Dikeluarkan Surat Setuju Terima (<i>Pre-Award</i>).....	5
4. Mekanisme Pelaksanaan Program PROTÉGÉ Bagi Perolehan Baharu ...	6
5. Pertimbangan Pihak Berkuasa Melulus Berkaitan Program PROTÉGÉ Bagi Perolehan Kerajaan	7
6. Tanggungjawab Agensi	7
7. Rujukan	7
8. Tarikh Kuat Kuasa	8

PK 1.2 PELAKSANAAN PROGRAM PROFESSIONAL TRAINING AND EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENEURS (PROTÉGÉ) (PROTÉGÉ) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

1. Pendahuluan

- 1.1. Kerajaan telah memutuskan program PROTÉGÉ (yang dahulu dikenali sebagai Skim Latihan 1Malaysia, SL1M) dijadikan sebagai salah satu syarat untuk ditawarkan kontrak perolehan Kerajaan termasuk pelanjutan kontrak.
- 1.2. Langkah Kerajaan memperluaskan pelaksanaan program PROTÉGÉ melalui perolehan Kerajaan adalah selaras dengan dasar sedia ada sebagai satu medium untuk membangunkan negara (*a tool for nation building*).
- 1.3. Program PROTÉGÉ adalah satu program yang bertujuan membantu graduan menganggur membangunkan keupayaan diri secara mempersiapkan dengan ilmu, kemahiran dan pengalaman bekerja seterusnya meningkatkan potensi diri dan peluang kebolehpasaran graduan.

2. Latar Belakang

- 2.1. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Jun 2017 telah memutuskan seperti berikut:
 - i. kontrak perolehan Kerajaan sebagai mekanisme peluasan pelaksanaan program PROTÉGÉ;
 - ii. syarikat/ kontraktor/ perunding (syarikat) yang telah memperoleh kontrak perolehan Kerajaan (bekalan, perkhidmatan dan kerja) daripada agensi Kerajaan termasuk Badan Berkanun Persekutuan, Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) diwajibkan untuk melaksanakan program PROTÉGÉ dengan penetapan nilai ambang (*threshold value*) berdasarkan sektor yang telah dikenal pasti seperti berikut:

Bil.	Sektor	Nilai Ambang
1.	Pembinaan	RM10 juta
2.	Perkhidmatan Penyelenggaraan Bangunan/Infrastruktur/Jalan	RM5 juta
3.	Teknologi Informasi dan Komunikasi	RM10 juta
4.	Perkhidmatan Perundingan	RM5 juta
5.	Perubatan dan Farmasi	RM10 juta
6.	Perkhidmatan Sokongan Kesihatan	RM10 juta
7.	Perkhidmatan Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih	RM10 juta
8.	Pengangkutan dan Logistik	RM10 juta
9.	Pertahanan Strategik	RM10 juta

10.	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	RM4 juta
11.	Sektor Lain	RM10 juta

- iii. syarikat hendaklah memperuntukkan sekurang-kurangnya 1% daripada nilai kontrak bagi melaksanakan program PROTÉGÉ;
- iv. syarikat yang mendapat kontrak Kerajaan di bawah nilai ambang digalakkan untuk melaksanakan program PROTÉGÉ, namun tidak tertakluk kepada penetapan 1% daripada nilai kontrak keseluruhan;
- v. penetapan bilangan minimum peserta PROTÉGÉ bagi sesuatu kontrak hendaklah dikira berdasarkan formula berikut:

$$\frac{1\% \times \text{Kos keseluruhan projek/perolehan}}{\text{RM24,000}^*}$$

* Elaun PROTÉGÉ sebanyak RM2,000 seorang X 12 bulan

- vi. program PROTÉGÉ dijadikan sebagai salah satu kriteria dalam mempertimbangkan sesuatu perolehan dan pelanjutan kontrak;
- vii. Sekretariat PROTÉGÉ, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) diberi tanggungjawab untuk mengawal selia, melapor dan memantau pelaksanaan program PROTÉGÉ berkaitan kontrak perolehan Kerajaan termasuk memaparkan senarai syarikat yang gagal melaksanakan program PROTÉGÉ; dan
- viii. mekanisme ini boleh dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam pelaksanaan perolehan di bawah kawal selia masing-masing.

3. Mekanisme Pelaksanaan Program PROTÉGÉ Dalam Perolehan Kerajaan Semasa

- 3.1. Program PROTÉGÉ dalam perolehan Kerajaan hendaklah dilaksanakan ke atas kontrak sedia ada yang sedang berkuat kuasa (*post-award*) dan bagi kontrak baharu (*pre-award*) mengikut tatacara pelaksanaan seperti berikut:

3.1.1. Kontrak Yang Sedang Berkuat Kuasa (*Post-Award*)

- i. syarikat yang mempunyai kontrak yang sedang berkuat kuasa hendaklah melaksanakan program PROTÉGÉ. Agensi hendaklah menyemak kontrak sedia ada yang berkuat kuasa dan sekiranya kontrak tersebut melebihi nilai ambang, Agensi dikehendaki memaklumkan syarikat untuk melaksanakan program PROTÉGÉ. Format surat pemakluman adalah seperti di **Lampiran A**;
- ii. bagi kontrak bermasa yang sedang berkuat kuasa, program PROTÉGÉ perlu dilaksanakan sekiranya baki tempoh kontrak melebihi 12 bulan dari tarikh pekeliling ini berkuat kuasa;
- iii. kontrak tambahan (*supplementary agreement*) perlu disediakan oleh Agensi dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani kontrak bagi pihak Kerajaan dan syarikat yang terlibat; dan
- iv. program PROTÉGÉ adalah digalakkan untuk dilaksanakan oleh syarikat walaupun tempoh kontrak kurang daripada 12 bulan dan perolehan secara *one-off* tanpa mengira had nilai. Syarikat boleh menyempurnakan program PROTÉGÉ bagi mendapatkan sijil pengesahan penyertaan PROTÉGÉ untuk pertimbangan perolehan Kerajaan pada masa hadapan.

3.1.2. Perolehan Yang Belum Dikeluarkan Surat Setuju Terima (*Pre-Award*)

- i. keperluan untuk melaksanakan program PROTÉGÉ oleh syarikat hendaklah dinyatakan dalam Surat Setuju Terima dan/atau kontrak bagi perolehan baharu (*pre-award*) yang dikeluarkan selepas pekeliling ini berkuat kuasa. Bagi tujuan ini, Surat Setuju Terima perlu dimasukkan klausa keperluan melaksanakan program PROTÉGÉ seperti format Surat Setuju Terima yang berkuatkuasa.

- ii. Agensi adalah dikehendaki untuk mengemukakan salinan Surat Setuju Terima berdasarkan had nilai ambang yang ditetapkan kepada Sekretariat PROTÉGÉ bagi tujuan rekod dan audit pematuhan;
- iii. syarikat hendaklah diarahkan untuk merujuk kepada Sekretariat PROTÉGÉ dengan serta merta bagi melaksanakan program PROTÉGÉ setelah Surat Setuju Terima diterima; dan
- iv. sekiranya syarikat ditawarkan lebih daripada satu kontrak perolehan, maka program PROTÉGÉ perlu dilaksanakan bagi setiap kontrak.

4. Mekanisme Pelaksanaan Program PROTÉGÉ Bagi Perolehan Baharu

- 4.1. Selaras dengan keputusan Kerajaan untuk melaksanakan program PROTÉGÉ dalam perolehan tender Kerajaan, Agensi hendaklah menyatakan dalam dokumen pelawaan tender seperti berikut:
 - i. syarikat adalah diwajibkan untuk melaksanakan program PROTÉGÉ dalam semua perolehan berdasarkan had nilai ambang yang ditetapkan;
 - ii. penglibatan syarikat dalam program PROTÉGÉ akan dijadikan sebagai salah satu kriteria dalam penilaian tender. Agensi perlu mensyaratkan syarikat untuk mengemukakan sijil atau surat pengesahan daripada Sekretariat PROTÉGÉ bersama tawarannya jika syarikat pernah melaksanakan program PROTÉGÉ bagi sesuatu kontrak perolehan Kerajaan;
 - iii. syarikat perlu mengemas kini penglibatan dalam program PROTÉGÉ di profil pengalaman dalam sistem ePerolehan di Kementerian Kewangan atau Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang mana berkaitan;
 - iv. pelaksanaan program PROTÉGÉ hendaklah dimulakan dalam tempoh kontrak dan boleh dilaksanakan secara berperingkat sehingga memenuhi jumlah minimum peserta PROTÉGÉ yang ditetapkan;
 - v. program PROTÉGÉ perlu dilaksanakan untuk tender tempatan dan tender antarabangsa;
 - vi. Agensi hendaklah mensyaratkan syarikat untuk menandatangani Surat Akuan Pembida Untuk Melaksanakan Program PROTÉGÉ seperti di **Lampiran B** sebagai dokumen wajib dan hendaklah disertakan bersama tawaran syarikat. Agensi juga hendaklah memastikan Arahan Kepada Penyebut Harga/ Petender seperti di **Lampiran C** dalam semua dokumen pelawaan;

- vii. syarikat yang mengemukakan sijil atau surat pengesahan daripada Sekretariat PROTÉGÉ, akan diberi keutamaan tidak kira sama ada program PROTÉGÉ dilaksanakan bagi perolehan Kerajaan atau program PROTÉGÉ dilaksanakan oleh inisiatif syarikat sendiri; dan
- viii. syarikat hendaklah diingatkan bahawa kegagalan melaksanakan program PROTÉGÉ boleh menyebabkan mereka tidak akan dipertimbangkan untuk kontrak baharu atau kontrak semasa tidak akan dilanjutkan.

5. Pertimbangan Pihak Berkuasa Melulus Berkaitan Program PROTÉGÉ Bagi Perolehan Kerajaan

- 5.1. Pihak Berkuasa Melulus semasa membuat pertimbangan sesuatu tender hendaklah mengambil kira penglibatan syarikat di dalam program PROTÉGÉ sebagai kriteria penganugerahan mulai 1 Januari 2018. Sementara itu, Pihak Berkuasa Melulus hendaklah membuat pertimbangan tender berdasarkan peraturan sedia ada yang berkuat kuasa.

6. Tanggungjawab Agensi

- 6.1. Sebagai langkah menjayakan dasar pelaksanaan program PROTÉGÉ dalam perolehan Kerajaan, Agensi adalah bertanggungjawab memastikan syarikat yang mendapat kontrak Kerajaan melaksanakan program PROTÉGÉ berdasarkan had nilai ambang dan sektor.
- 6.2. Agensi juga hendaklah menyemak profil pengalaman dalam sistem ePerolehan di Kementerian Kewangan atau CIDB atau melalui semakan dengan Sekretariat PROTÉGÉ.
- 6.3. Agensi hendaklah mengarahkan syarikat yang layak melaksanakan program PROTÉGÉ untuk merujuk kepada Sekretariat PROTÉGÉ dengan serta merta bagi melaksanakan program PROTÉGÉ.

7. Rujukan

- 7.1. Untuk sebarang maklumat lanjut berkenaan program PROTÉGÉ, Agensi termasuk syarikat/kontraktor/perunding boleh menghubungi:

Ketua Sekretariat
Professional Training and Education For Growing Entrepreneurs
(PROTÉGÉ)
Kementerian Pembangunan Usahawan
Aras 2, Blok E4/5,
Kompleks Kerajaan Parcel E
62668 Putrajaya

8. Tarikh Kuat Kuasa

8.1. Peraturan ini berkuat kuasa mulai **1 Ogos 2017**.

LAMPIRAN

LAMPIRAN A**CONTOH SURAT PEMAKLUMAN KEPADA SYARIKAT**

Tarikh:

<Nama Syarikat dan Alamat>

Tuan,

PEMAKLUMAN MENGENAI ARAHAN MELAKSANAKAN PROGRAM *PROFESSIONAL TRAINING AND EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENEURS* (PROTÉGÉ) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN BAGI PEROLEHAN SEPERTI BERIKUT:

< TAJUK PEROLEHAN >

NILAI KONTRAK/PEROLEHAN:

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada Surat Setuju Terima yang ditandatangani oleh pihak tuan bertarikh

2. Sebagai makluman, Kerajaan telah membuat keputusan bahawa program PROTÉGÉ dijadikan sebagai salah satu syarat untuk ditawarkan kontrak perolehan Kerajaan termasuk pelanjutan kontrak berdasarkan nilai ambang (*threshold value*) dan sektor. Berikutan itu, berdasarkan nilai kontrak dan sektor, syarikat tuan adalah tertakluk untuk melaksanakan program PROTÉGÉ.

3. Bagi melaksanakan arahan ini, tuan adalah perlu mengambil perhatian mengenai perkara seperti berikut:

- i. syarikat hendaklah memperuntukkan sekurang-kurangnya 1% daripada nilai kontrak bagi melaksanakan program PROTÉGÉ. Nilai 1% ini akan menentukan bilangan peserta PROTÉGÉ yang perlu diterima. Jumlah peserta PROTÉGÉ yang perlu diambil oleh pihak tuan adalah sebanyak orang;
- ii. kontrak tambahan (*supplementary agreement*) akan disediakan dan perlu ditandatangani oleh syarikat tuan;
- iii. syarikat yang melaksanakan program PROTÉGÉ adalah layak menuntut pelepasan cukai berganda (*double tax deduction*) setelah menyempurnakan program PROTÉGÉ sekurang-kurangnya 8 bulan tertakluk pengesahan Sekretariat PROTÉGÉ. Sekretariat PROTÉGÉ akan mengeluarkan sijil atau surat

pengesahan kepada syarikat yang telah melaksanakan sepenuhnya program PROTÉGÉ;

- iv. syarikat perlu mengemas kini penglibatan dalam program PROTÉGÉ di profail pengalaman dalam sistem ePerolehan di Kementerian Kewangan atau Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang mana berkaitan;
- v. pelaksanaan program PROTÉGÉ hendaklah dilaksanakan dalam tempoh kontrak dan boleh dilaksanakan secara berperingkat sehingga memenuhi jumlah minimum peserta PROTÉGÉ yang ditetapkan dalam tempoh kontrak;
- vi. syarikat perlu mengemukakan laporan pelaksanaan program PROTÉGÉ kepada Sekretariat PROTÉGÉ dan Sekretariat PROTÉGÉ adalah bertanggungjawab untuk mengawal selia, melapor dan memantau pelaksanaan program PROTÉGÉ termasuk memaparkan nama syarikat yang gagal melaksanakan program PROTÉGÉ di laman sesawang Sekretariat PROTÉGÉ;
- vii. kegagalan syarikat untuk melaksanakan program PROTÉGÉ boleh menyebabkan syarikat tidak akan dipertimbangkan untuk kontrak baharu atau kontrak semasa tidak akan dilanjutkan; dan
- viii. syarikat boleh merujuk kepada Sekretariat PROTÉGÉ untuk melaksanakan program PROTÉGÉ seperti berikut:

Ketua Sekretariat

Professional Training and Education For Growing Entrepreneurs
(PROTÉGÉ)

Kementerian Pembangunan Usahawan

Aras 2, Blok E4/5,

Kompleks Kerajaan Parcel E

62668 Putrajaya

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,

(Tanda Tangan Pegawai)

Nama Penuh :

Nama Jawatan:

LAMPIRAN B

**SURAT AKUAN PEMBIDA UNTUK MELAKSANAKAN
PROGRAM *PROFESSIONAL TRAINING AND
EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENEURS*
(PROTÉGÉ)**

Kepada (Agensi)

.....
.....

Sebut Harga/Tender : (Tajuk)

.....
.....

Saya nombor kad pengenalan
..... yang mewakili syarikat
..... nombor pendaftaran
..... (*MOF/CIDB) dengan ini mengisytiharkan
bahawa saya akan melaksanakan program PROTÉGÉ jika dipilih untuk
sebut harga/tender ini mengikut had nilai ambang (*threshold value*) dan
bilangan minimum peserta program PROTÉGÉ seperti yang ditetapkan di
dalam syarat sebut harga/tender.

2. Sekiranya saya tidak melaksanakan program PROTÉGÉ mengikut had nilai
ambang (*threshold value*) dan bilangan minimum peserta setelah dipilih untuk
sebut harga/tender ini, maka Kerajaan boleh mengambil tindakan ke atas
syarikat saya berdasarkan syarat/klausa kontrak dan syarikat saya mungkin
tidak akan dipertimbangkan untuk sebut harga/tender perolehan kerajaan
pada masa yang akan datang.

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. Kad Pengenalan)

Cop Syarikat:

- Catatan :
- i) *Potong mana yang tidak berkaitan
 - ii) Surat Akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama di sijil pendaftaran MOF/CIDB

LAMPIRAN C**ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA/PETENDER****PELAKSANAAN PROGRAM *PROFESSIONAL TRAINING AND EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENEURS* (PROTÉGÉ) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN**

1. Penyebut harga/petender adalah dikehendaki melaksanakan program PROTÉGÉ dalam perolehan Kerajaan mengikut had nilai ambang (*threshold value*) dan sektor seperti berikut:

Bil.	Sektor	Nilai Ambang
1	Pembinaan	RM10 juta
2	Perkhidmatan Penyelenggaraan Bangunan/Infrastruktur/Jalan	RM5 juta
3	Teknologi Informasi dan Komunikasi	RM10 juta
4	Perkhidmatan Perundingan	RM5 juta
5	Perubatan dan Farmasi	RM10 juta
6	Perkhidmatan Sokongan Kesihatan	RM10 juta
7	Perkhidmatan Penyenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih	RM10 juta
8	Pengangkutan dan logistik	RM10 juta
9	Pertahanan Strategik	RM10 juta
10	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	RM4 juta
11	Sektor Lain	RM10 juta

1% X Kos keseluruhan projek/perolehan

RM24,000*

* Elaun PROTÉGÉ sebanyak RM2,000 seorang X 12 bulan

M.S. 11/13

2. Penyebut harga/petender adalah wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida Untuk Melaksanakan Program PROTÉGÉ seperti di **Lampiran 1** bersama dengan Dokumen Tawaran Tender/Sebut Harga.
3. Surat Akuan Pembida Untuk Melaksanakan Program PROTÉGÉ tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian sebut harga/tender. Sekiranya pembida gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut yang telah ditandatangani oleh penama di sijil *MOF/CIDB, pembida tersebut akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian (gagal mengemukakan dokumen wajib) dan penilaian seterusnya tidak akan dilaksanakan.
4. Sekiranya sesuatu kontrak yang menggunakan Wang Kos Prima atau Wang Peruntukan Sementara melebihi nilai ambang yang ditetapkan, Kontraktor Utama wajib memastikan klausa berkenaan pelaksanaan Program PROTÉGÉ dimasukkan di dalam kontrak dengan Sub-Kontraktor Yang Dinamakan (NSC) dan/atau Kontraktor Domestik.

LAMPIRAN 1

**SURAT AKUAN PEMBIDA UNTUK MELAKSANAKAN
PROGRAM *PROFESSIONAL TRAINING AND
EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENEURS*
(PROTÉGÉ)**

Kepada (Agensi)

.....
.....

Sebut Harga/Tender : (Tajuk)

.....
.....

Saya nombor kad pengenalan
..... yang mewakili syarikat
..... nombor pendaftaran
..... (*MOF/CIDB) dengan ini mengisytiharkan
bahawa saya akan melaksanakan program *Professional Training And
Education For Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ) jika dipilih untuk sebut
harga/tender ini mengikut had nilai ambang (*threshold value*) dan bilangan
minimum peserta program PROTÉGÉ seperti yang ditetapkan
di dalam syarat sebut harga/tender.

2. Sekiranya saya tidak melaksanakan program PROTÉGÉ mengikut had nilai
ambang (*threshold value*) dan bilangan minimum peserta setelah dipilih untuk
sebut harga/tender ini, maka Kerajaan boleh mengambil tindakan ke atas
syarikat saya berdasarkan syarat/klausa kontrak dan syarikat saya mungkin
tidak akan dipertimbangkan untuk sebut harga/tender perolehan kerajaan
pada masa yang akan datang.

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. Kad Pengenalan)

Cop Syarikat:

- Catatan :
- i) *Potong mana yang tidak berkaitan
 - ii) Surat Akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama di sijil pendaftaran MOF/CIDB